

# **Pendidikan Berterusan: Satu Pendekatan Pembangunan Belia**

*Azimi Hamzah*

## **Pengenalan**


Peringkat belia merupakan tahap pertumbuhan seseorang manusia yang amat genting. Ketika ini individu meninggalkan zaman remajanya yang menandakan berakhirnya masa pergantungan kepada ibu bapa dan bermulanya masa berdikari. Perpisahan ini bukan satu perkara yang mudah. terutamanya apabila mereka masih mengharapkan bantuan kewangan daripada keluarga sambil belajar untuk hidup bebas. Di tahap ini juga anak muda mula terlibat dalam membuat keputusan yang akan mempengaruhi masa depan mereka. Mereka mula memusatkan tenaga dan minat ke arah pertumbuhan dan pembangunan diri. Dengan perkataan lain mereka mula dibebankan dengan kemungkinan menghadapi kegagalan yang akan menyebabkan mereka mengalami pelbagai masalah peribadi dan sosial. Sekiranya mereka tidak mendapat bimbingan yang wajar ada kemungkinan mereka akan mengasingkan diri, membuat yang melanggar kebiasaan, dan seterusnya menjadi beban kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Masyarakat dan negara mahukan belia mempunyai akhlak mulia, produktif, berkemahiran dan melaksanakan amanah terhadap diri, keluarga, masyarakat, negara dan Penciptanya. Matlamat yang sebegini luas tidak dapat dipenuhi melalui sistem persekolahan formal sem ata-mata. Walau bagaimanapun sistem persekolahan berupaya memberi pendedahan awal ke arah pencapaian tersebut. Malangnya, banyak belia yang tidak dapat mengikuti persekolahan secara berterusan (mungkin kerana gagal dalam peperiksaan, kesempitan hidup keluarga, cacat dan sebagainya). Oleh yang demikian satu pendekatan pendidikan yang lebih dinamik diperlukan untuk menyediakan belia (terutama mereka yang meninggalkan pendidikan formal terlalu awal) agar dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

## Konsep dan Takrif Pendidikan Berterusan

Apabila perkataan pendidikan disebut, secara automatik kita kaitkan dengan sekolah. Kaitan ini tidak berapa tepat kerana pendidikan dan pembelajaran adalah satu fenomena yang lebih komprehensif. Sekolah hanya merupakan sebahagian kecil daripada spektrum menyeluruh yang mempengaruhi pendidikan seseorang individu (sila lihat Rajah 1)

Rajah 1 : kedudukan sekolah dalam konteks pendidikan.



Sumber : Abu Daud Silong (1986)

Dalam abad ini, perubahan yang paling ketara dalam bidang pendidikan ialah perubahan ke arah memperluaskan skop pendidikan serta pengiktirafan satu didikan yang lebih dinamik - iaitu pendekatan pendidikan berterusan. Pendekatan ini bertujuan mendidik individu-individu yang telah meninggalkan persekolahan atau yang ingin terus belajar agar mereka berupaya menghadapi perubahan diri dan persekitaran. Pendidikan berterusan memberi penekanan kepada menimba ilmu, mengubah sikap dan menambah kemahiran melalui pengalaman, latihan serta perbincangan secara formal atau tidak formal.

Untuk tujuan ini, penulis memberi takrifan perkara-perkara yang berkait dengan pendidikan berterusan.

*Tujuan pendidikan berterusan:* untuk menghasilkan pertumbuhan individu yang sihat dan seimbang dalam pembangunan rohani, sosial, ekonomi, kebudayaan dan politik.

*Pelajar :* individu atau kumpulan yang bersedia memikul tanggungjawab untuk memperbaiki serta memberi sumbangan kepada pembangunan keluarga, kumpulan, masyarakat dan negara.

*Strategi :* Pendidikan secara formal (menggunakan agensi atau kemudahan yang sedia ada) atau tidak formal dan pelajar sendiri menjadi agen pendidikan serta aktif. Kehadiran tenaga pengajar hanyalah untuk memudahkan proses pembelajaran dan bukan memaksa.

Oleh yang demikian, pendidikan berterusan bolehlah ditakrifkan sebagai apa jua bentuk pengalaman pembelajaran, formal atau tidak formal, di mana individu atau kumpulan individu melibatkan diri secara aktif untuk pertumbuhan rohani, sosial, ekonomi, budaya dan politik yang sihat dan seimbang. Pendidikan berterusan merangkumi segala aktiviti pembelajaran yang beroperasi di luar sistem pendidikan formal bagi memenuhi pelbagai keperluan penerima.

Pemudah cara program pendidikan berterusan memberi keutamaan kepada pelajar/penerima dengan menumpukan kepada keperluan mereka. Berasaskan kepada prinsip ini, soalan pertama yang mesti dijawab dalam pendekatan pendidikan berterusan ialah, apakah perubahan yang diharapkan berlaku setelah penerima mengikuti sesuatu program pendidikan? Oleh itu pengenalanpastian masalah dan keperluan yang hendak dijadikan asas pembentukan objektif program pendidikan sangat penting. Penemuan ini akan menjadi panduan dalam pembentukan strategi pendidikan berterusan seterusnya. Untuk membentuk program pendidikan berterusan bagi belia, kita perlu sama-sama mengenal pasti keperluan semasa di peringkat belia.

## **Masalah dan Keperluan Belia**

Memandangkan peringkat umur belia sungguh penting dan berkait rapat dengan pembentukan generasi akan datang dan juga pembangunan negara, siapa jua yang terlibat dengan pembangunan belia perlulah memahami ciri-ciri, masalah serta keperluan belia dan seterusnya menyatukan maklumat-maklumat tersebut dalam pembentukan program pendidikan. Perlu ditegaskan bahawa program pendidikan berterusan hendaklah berasaskan kepada masalah dan keperluan sebenar dan bukan hanya kepada tanda. Sebagai contoh, keciciran, pengangguran, jenayah, polarisasi kaum dan dadah merupakan tanda daripada masalah-masalah besar yang dihadapi oleh belia hari ini. Semua ini lebih merupakan tanda daripada masalah dan keperluan yang masih belum dipenuhi/diatasi.

Para pendidik telah cuba mengumpulkan keperluan latihan untuk beberapa kategori. Coombs (1973) mencadangkan enam keperluan asas yang perlu ada pada belia supaya mereka boleh mencapai keberkesanan dan kepuasan di peringkat dewasa nanti. Keperluan-keperluan ini ialah seperti berikut:

1. Mempunyai sikap positif terhadap kerjasama dan tolong menolong dalam pembangunan keluarga, tempat bekerja, masyarakat dan terhadap pembelajaran berterusan dan pembentukan nilai murni;
2. Mempunyai kebolehan membaca dan mengira bagi media cetak, menulis surat peribadi atau rasmi, dan mengukur keluasan/jarak, mengira perbelanjaan dan pendapatan, serta memahami perkara-perkara yang berkaitan dengan faedah, pinjaman dan sewa.
3. Mempunyai pengetahuan asas mengenai kesihatan dan kebersihan pertanian dan penternakan, pemakanan, serta penyediaan/menyimpan makanan, dan alam sekitar dan cara mengelakkan pencemaran.
4. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas berhubung dengan memupuk kesejahteraan rumah tangga termasuk perkara-perkara seperti menjaga kesihatan keluarga, pemakanan dan kebersihan, rekreasi, pengurusan kewangan keluarga, dll.
5. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan bidang-bidang pekerjaan, terutama mengenai peluang pekerjaan di tempat sendiri.

6. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan kerja-kerja sukarela, kemasyarakatan, struktur dan fungsi kerajaan, perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan, kewarganegaraan, prinsip, tujuan dan fungsi koperatif dan badan-badan sukarela.

Coombs menegaskan yang keperluan-keperluan minimum ini tidak dapat dipenuhi oleh individu atau institusi secara bersendirian.

Mengikut Syed Hussein Alatas (1980) konsep pembangunan ialah satu konsep yang sesuai dengan apa jua kumpulan - sarna ada individu, belia, masyarakat mahupun kerajaan. Beliau menyatakan pembangunan merupakan satu proses yang merangkumi ciri-ciri penting seperti mempertingkatkan:

1. Kesejahteraan
2. Usaha
3. Kefahaman
4. Keupayaan
5. Kreativiti
6. Komunikasi
7. Kerjasama
8. Penyesuaian
9. Moral
10. Matlamat asas penghidupan

Syed Hussein juga menegaskan yang belia perlu diberi persediaan untuk menjadi ibu bapa yang dapat mengajar zuriatnya menghadapi iklim psikologi yang kotor. Program pembangunan belia yang tidak menyatukan konsep keibubapaan di dalam kurikulumnya tidak akan berjaya melahirkan generasi yang menarik.

Dasar Belia Negara merupakan panduan untuk membentuk program pembangunan belia. Malah, pelaksanaan program dan aktiviti badan-badan belia, agensi-agensi kerajaan dan swasta hendaklah berpandukan kepada dasar ini. Matlamat am Dasar Belia Negara ialah untuk membina belia bagi kesejahteraan negara. Untuk mencapai matlamat, dasar ini mengutarakan enam prinsip pembinaan belia iaitu:

1. Mengamalkan prinsip rukun negara
2. Mempunyai semangat perpaduan dan kesukarelaan serta mengamalkan, prinsip autonomi
3. Mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang matang

4. Menggalakkan penyertaan dalam proses perancangan negara
5. Mempunyai moral yang tinggi dan sikap yang mementingkan kesihatan dan kecergasan diri
6. Mempunyai taraf keilmuan yang luas dan mendalam

Dengan strategi-strategi pelaksanaan yang mantap serta berlandaskan prinsip-prinsip di atas, Dasar Belia Negara dapat melahirkan golongan belia yang cekap dan bertanggungjawab serta mampu berusaha ke arah pembinaan negara yang sejahtera.

Azimi Hamzah (1983), melalui kajiannya, telah mengenal pasti keperluan belia yang boleh dijadikan asas pendidikan berterusan. Keperluan yang telah dikenal pasti dikumpulkan kepada lima kategori: (1) membantu dalam proses pertumbuhan peribadi, (2) membangunkan pertumbuhan belia, (3) mewujudkan atau mencari pekerjaan, (4) interaksi sosial dan (5) mengambil berat tentang hal-hal kemasyarakatan. Keperluan-keperluan khusus yang dikenal pasti bagi tiap-tiap kategori di atas ialah seperti berikut:

1. Membantu dalam proses pertumbuhan peribadi
  - a. Membentuk disiplin dan akhlak
  - b. Menggunakan masa lapang
  - c. Memupuk semangat berdikari
  - d. Kemampuan menghadapi masa hadapan
  - e. Meningkatkan kepercayaan terhadap agama
  - f. Membantu pertumbuhan ego dan emosi
  - g. Memupuk kekuatan menangkis budaya/amalan negatif
  - h. Membantu pertumbuhan fizikal
  - i. Menyediakan diri untuk berumah tangga
2. Membangunkan pertumbuhan belia
  - a. Merancang aktiviti
  - b. Membentuk kepimpinan
  - c. Membentuk anggota
  - d. Membentuk pertumbuhan menjadi agen perubahan
  - e. Menambah keanggotaan
  - f. Mempertingkatkan status pertumbuhan

3. Mewujudkan atau mencari pekerjaan
  - a. Memperoleh pengetahuan untuk kerjaya/pekerjaan di luar bandar
  - b. Mewujudkan minat/kesedaran terhadap kerja ya/pekerjaan
  - c. Memperoleh kemahiran untuk kerjaya/pekerjaan di luar bandar
  - f. Mempertingkatkan pendidikan formal
  - g. Menyediakan diri untuk kerjaya/pekerjaan di bandar
  
4. Interaksi sosial
  - a. Berinteraksi dengan belia tempatan
  - b. Mendapat pendedahan kepada idea/ maklumat.
  - c. Berinteraksi dengan orang dewasa tempatan
  - d. Berinteraksi dengan masyarakat luar
  
5. Mengambil berat tentang kemasyarakatan
  - a. Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan
  - b. Menanam perasaan cintakan komuniti
  - c. Memahami struktur komuniti
  - d. Memahami struktur dan fungsi kerajaan

Kajian ini seterusnya mengenal pasti 10 keperluan khusus yang kerap disebut oleh responden yang telah ditapis menggunakan falsafah institusi dan psikologi pembelajaran. Sepuluh keperluan itu ialah: (1) memperoleh pengetahuan untuk kerjaya/pekerjaan di luar bandar, (2) meningkatkan kepercayaan terhadap agama, (3) merancang aktiviti, (4) mewujudkan minat/kesedaran terhadap kerjaya/pekerjaan. (5) menggunakan masa lapang, (6) membentuk pemimpin, (7) memperoleh kemahiran untuk kerjaya/pekerjaan di luar bandar, (8) memupuk semangat berdikari. (9) membentuk anggota dan (10) membentuk kekuatan menangkis budaya/amalan negatif.

Penemuan di atas menggambarkan keperluan dan masalah harian yang dihadapi oleh kumpulan belia dalam proses menyesuaikan diri, perubahan dalam diri, kumpulan, persekitaran; mencari serta menyediakan diri untuk berjaya dalam kerjaya; memupuk perhubungan dengan orang lain;

dan memberi sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara.

### **Proses Pendidikan Berterusan**

Selepas dikenal pasti masalah dan keperluan yang boleh kita gunakan sebagai asas (objektif) program pendidikan berterusan, proses seterusnya ialah menyelesaikan persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah pengalaman pembelajaran atau aktiviti yang perlu diadakan bagi membantu penerima mencapai objektif program pendidikan? (Lebih tepat lagi ialah menentukan perkara-perkara yang akan dipelajari serta pengalaman-pengalaman pembelajaran yang akan diikuti)
2. Bagaimana pengalaman pembelajaran ini patut disusun? (Yang dimaksudkan di sini ialah memilih serta menyusun aktiviti-aktiviti yang membolehkan penerima melibatkan diri secara aktif)
3. Apakah cara yang paling berkesan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah disusun? (Iaitu melaksanakan aktiviti sebegitu rupa agar pembelajaran berlaku).
4. Bagaimana caranya untuk mengetahui sama ada objektif telah tercapai? Ini memerlukan penilaian dibuat ke atas proses (penilaian formatif) dan juga hasil (penilaian sumatif) program pendidikan berterusan.

Untuk lebih memahami proses-proses di atas, penulis akan menggunakan keperluan yang berkaitan dengan pembentukan belia berdikari sebagai fokus perbincangan selanjutnya. Dalam usaha untuk menyemai semangat berdikari di kalangan belia beberapa objektif dalam program pendidikan perlu dicapai.

1. Supaya belia mengetahui peluang berdikari (misalnya usahawan kecil, pengeluar/pemasar hasil pertanian, industri kecil kampung, mengambil tender kerajaan, dll) melalui pendedahan sebenar.
2. Supaya belia mempunyai kebolehan serta kemahiran dalam aktiviti-aktiviti berdikari yang terpilih melalui penglibatan dalam situasi sebenar, daripada pengeluaran hingga pemasaran hasil.
3. Supaya belia mempunyai kemahiran dalam merancang dan mengurus aktiviti berdikari (seperti perakaunan, pemasaran, dan perhubungan awam) melalui amali dalam situasi



sebenar.

Dalam memilih pengalaman pembelajaran yang paling sesuai, pihak penganjur hendaklah mengetahui status pelajaran penerima dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan proses pembelajaran - seperti berapa tahun penerima telah mendapat pendidikan formal, iklim, dan suasana pembelajaran yang mereka sukai, keinginan melihat hasil sesuatu aktiviti dengan cepat; dan keinginan melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai aktiviti. Berdasarkan kepada maklumat seperti ini, beberapa aktiviti dapat dianjurkan:

1. Melibatkan belia dalam perbincangan kajian kes mengenai usaha yang berjaya serta berpotensi.
2. Melawat tempat usaha berdikari beroperasi.
3. Mengikuti beberapa sesi amali teknikal yang berkaitan.
4. Mengikuti latihan sambil kerja (apprenticeship)
5. Melibatkan diri dalam dialog dengan orang-orang yang berpengetahuan/berpengalaman dalam usaha berdikari
6. Mengusahakan projek perintis dari peringkat merancang hingga pemasaran hasil
7. Menilai pengalaman dan membuat susulan ke atas minat
8. Membincangkan masalah-masalah yang berkaitan dengan usaha berdikari

Dalam menyusun aktiviti di atas, pihak penganjur perlu memulakan pelajaran dengan perkara yang mudah supaya penerima terdorong untuk terus melibatkan diri. Seterusnya pemudah cara hendaklah merancang pembentukan pengetahuan, kemahiran dan sikap dengan memperkenalkan mata pelajaran berulang kali dengan menggunakan contoh dan situasi yang berlainan sehingga penerima mempunyai pengetahuan yang diinginkan, sikap positif dan kemahiran yang selaras dengan objektif.

Proses seterusnya ialah merangka cara yang paling berkesan untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti agar proses pembelajaran berlaku. Untuk tujuan ini, pemudah cara tidak harus memaksa belia menerima fakta. Sebaliknya mereka memberi perlu memberi keutamaan kepada penerima dan bukan dirinya. Di peringkat ini pemudah cara bertanggungjawab mengintegrasikan latar belakang penerima, sumber-sumber yang ada dan program pendidikan secara total dalam proses pelaksanaan.

Semua aktiviti hendaklah dikendalikan dengan yuran yang paling minimum agar tidak membebankan penerima. Sumbangan ini bertujuan supaya penerima dapat menghargai program tersebut dan tidak mensia-siakannya.

Akhir sekali pendekatan pendidikan berterusan memerlukan jawapan sama ada objektif yang disusun telah tercapai. Ini bermakna penilaian tidak hanya dilakukan di peringkat akhir sahaja. Penilaian perlu dibuat di tiap-tiap peringkat. Dalam membentuk alat penilaian, pemudah cara hendaklah berpandukan kepada objektif-objektif program, keseluruhan proses yang dilalui penerima, dan kegunaan-kegunaan penemuan daripada penilaian yang lain. Pelbagai teknik boleh digunakan untuk mengumpul bukti antaranya ialah dengan mengendalikan temuduga, pemerhatian turut serta dan meneliti hasil yang dikeluarkan oleh penerima.

Perbincangan di atas memaparkan yang pendekatan pendidikan melibatkan sekurang-kurangnya lima peringkat, iaitu: (1) mengenal pasti keperluan bagi membentuk objektif-objektif program. (2) menentukan perkara-perkara yang akan dipelajari, (3) memilih dan menyusun aktiviti. (4) mengendalikan aktiviti, dan (5) menilai proses dan hasil program.

## **Penutup**

Pendidikan dan latihan untuk belia adalah sangat penting. Belia memerlukan bimbingan yang sistematik dan berkesan kerana di tahap ini anak muda mula terlibat dalam membuat keputusan yang mempengaruhi masa depan mereka. Keperluan bimbingan ini lebih meruncing bagi belia yang berada di luar sistem persekolahan formal. Tanpa bimbingan yang tersusun, belia akan bergerak tanpa haluan dan mudah terjerumus ke dalam kancah keruntuhan moral yang akan merugikan dirinya, keluarga dan negara.

Pendekatan pendidikan berterusan sesuai digunakan untuk belia kerana ia dinamik, sistematik dan berdasarkan kepada fakta, boleh menerima cabaran untuk memenuhi keperluan-keperluan belia; mementingkan perubahan pengetahuan, sikap dan kemahiran; dan boleh di luar sistem pendidikan formal.

## Rujukan

- Abu Daud Silong. (1986). ***Professionalizing Characteristics Of The Training Profession In West Malaysia***. Unpublished doctoral thesis, of Maryland, College Park.
- Azimi Haji Hamzah. (1983). ***A Methodology For Converting Expressed Needs Into Bases For Programming For Young Adult: An Exploratory Study*** . Unpublished doctoral thesis, North Carolina State University,
- Azimi Haji Hamzah. (1986). ***Learning Needs For Non-Formal Education Of FELDA Youth***. *Land Development Digest*.8, 1.
- Coombs, Philip H. (1973). ***New Path To Learning For Rural Children And Youth***. New York: International Council for Education and Development.
- Soffian bin Abdul Rahim. (1985). ***Belia Dan Pembangunan***. *Forum Pembangunan*, XIII, 2.
- Syed Hussein Alatas. (1980). ***Development Of Youth – Concepts And Theories***. Paper presented at 4th Regional Youth Conference, Universiti Kebangsaan Malaysia .